



**JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA**

No 20, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62551 WP PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 603-8000 8000  
Faks: 603-8880 8288  
Laman Web: [www.jpn.gov.my](http://www.jpn.gov.my)  
E-mel: [pro@jpn.gov.my](mailto:pro@jpn.gov.my)



SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.35 (69)

Tarikh : 26 September 2016

**Ketua Pengarang  
Malaysia Nanban**

Telah difakskan pada: 26 SEP 2016

Tuan,

**MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR MALAYSIA NANBAN BERTAJUK  
"MARIAPPAN TERPAKSA TUNGGU SELAMA 10 TAHUN"  
BERTARIKH 23 SEPTEMBER 2016, JUMAAT – M.S: 2**


Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang dibangkitkan oleh Encik Mariappan a/l Narayana Pillai berkenaan beliau terpaksa menunggu selama 10 tahun bagi mendapatkan status warganegara Malaysia.


3. Ingin dimaklumkan, hasil semakan mendapati Encik Mariappan a/l Narayana Pillai telah mengemukakan permohonan taraf kewarganegaraan terbaru pada 12/1/2015 di bawah Perkara 19(1) Perlembagaan Persekutuan dan permohonan tersebut masih dalam tindakan Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk pertimbangan serta keputusan. Sebarang keputusan berkaitan permohonan tersebut akan dimaklumkan secara bersurat berdasarkan alamat yang telah dikemukakan semasa permohonan dibuat.

4. Namun demikian, memenuhi syarat permohonan bukanlah bermakna permohonan tersebut akan diluluskan kerana ianya anugerah tertinggi kerajaan dan sebarang keputusan adalah muktamad serta tidak layak untuk dipersoalkan.

RAKYAT DI HATI JPN



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: AR 6000



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: AR 6000



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: AR 6000



CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2005  
CERT. NO.: AR 4763

5. Ingin ditegaskan jua, penganugerahan status kewarganegaraan hanya akan diberikan kepada mereka yang benar - benar layak dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan seperti mempunyai pengetahuan asas Bahasa Melayu dan berkelakuan baik iaitu tidak terlibat dalam sebarang aktiviti yang menyalahi atau melanggar undang - undang.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
**(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)**

Pegawai Perhubungan Awam,  
b.p Ketua Pengarah,  
Jabatan Pendaftaran Negara,  
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:  
1. YBrs. Tuan KPPN  
2. YBrs. Tuan TKPPN (P)  
3. YBhg. Tuan TKPPN (O)